



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

MAHA TERUS PERKUKUH JALINAN KERJASAMA STRATEGIK MENERUSI PERTUKARAN MOU

SERDANG, 4 SEPTEMBER 2026 – Momentum MAHA 2026 terus mencatat perkembangan memberangsangkan apabila sebanyak 17 pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) bernilai RM3.27 bilion direkodkan pada hari kelapan MAHA 2026.

Antara kerjasama utama yang menjadi tumpuan pada hari keempat ialah pertukaran MoU antara Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS), Guizhou Phosphate Chemical (GPC) Group dan Jiangsu Chemical Design Institute Co. Ltd. (CDIJS), yang melibatkan nilai sebanyak RM1.5 bilion. Kerjasama strategik ini memberi fokus kepada pembangunan industri baja bersepadu di Malaysia yang merangkumi pemprosesan bahan mentah, pemindahan teknologi, pembangunan kapasiti tempatan serta penerokaan peluang hiliran. Inisiatif ini dijangka menyumbang kepada pengukuhan ekosistem industri baja negara dan seterusnya menyokong usaha memperkukuh keterjaminan makanan negara.

Selain itu, kerjasama antara empat syarikat Malaysia iaitu Top Fruits Sdn. Bhd., JL Food Industries Sdn Bhd, Golden Fresh Durian Sdn Bhd, Phg Ever Fresh Food Sdn Bhd dan rakan strategik dari negara China turut menjadi antara MoU berimpak tinggi yang diketengahkan pada hari keempat, khususnya dalam memperluas pasaran durian segar premium Malaysia ke pasaran China. Kerjasama tersebut melibatkan pembekalan dan pengedaran durian segar premium Malaysia secara whole fruit di bawah jenama Jiangnan Selected bagi tempoh tiga tahun. Kerjasama jangka panjang ini membuka peluang untuk memperkukuh akses pasaran, memperluas pengedaran produk durian Malaysia serta meningkatkan penjenamaan buah-buahan premium Malaysia di pasaran antarabangsa.

Pencapaian selama lapan hari MAHA 2026 ini berlangsung membuktikan bahawa platform MAHA bukan sahaja menjadi medan pameran dan promosi produk agri-food, malah semakin berperanan sebagai platform strategik untuk mempertemukan pemain industri tempatan dengan rakan dagang dan pelabur antarabangsa. Dengan pencapaian

tersebut, MAHA 2026 terus memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai destinasi pelaburan, perdagangan dan kerjasama strategik dalam sektor pertanian dan agri-food di peringkat global.

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

